

Pemetaan Perjalanan Wanita dalam Mendapatkan Perlindungan daripada Keganasan Rumah Tangga di Malaysia

Mapping Women's Journey in Seeking Refuge from Domestic Violence in Malaysia

SITI NURZULAIKA ROSLAN¹, ZURIATUNFADZLIAH SAHDAN*¹

¹Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

Corresponding author: zuriatun@fsk.upsi.edu.my

Published online:

To cite this article (APA): Roslan, S. N., & Sahdan, Z. (2022). Mapping Women's Journey in Seeking Refuge from Domestic Violence in Malaysia. *GEOGRAFI*, 10(1), 1-19.

<https://doi.org/10.37134/geografi.vol10.1.1.2022>

ABSTRAK *Kajian ini bertujuan untuk memetakan perjalanan wanita dalam mendapatkan perlindungan daripada keganasan rumah tangga di rumah perlindungan yang dikendalikan oleh Women's Aid Organisation (WAO). Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis dokumen kes keganasan rumah tangga terhadap wanita di Malaysia yang direkodkan oleh WAO pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Data reruang dalam kajian ini divisualkan dengan menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita yang tinggal di luar dari kawasan Lembah Klang adalah lebih sukar untuk mendapatkan bantuan kerana sumber informasi yang terhad, kurang kepelbagaian dari segi bantuan formal yang ada serta terpaksa menempuh jarak perjalanan yang panjang sehingga 320 km bagi tujuan mendapatkan perlindungan. Dapatan kajian ini berupaya memberi maklumat kepada pihak yang bertanggungjawab bagi mewujudkan rumah perlindungan yang mudah diakses oleh wanita dari pelbagai lokasi asal di negara ini ke arah campur tangan dalam keganasan rumah tangga yang lebih berkesan.*

Kata kunci dan frasa: Keganasan rumah tangga, perjalanan wanita, rumah perlindungan, Sistem Maklumat Geografi (GIS)

ABSTRACT *This study aims to map women's journeys in seeking refuge from domestic violence at a shelter managed by Women's Aid Organization (WAO). This study adopts documentary analysis method of domestic violence cases against women in Malaysia which recorded by WAO in 2016, 2017 and 2018. The spatial data in this study is visualised by using geographic information systems (GIS) software. This research found that women living outside the Klang Valley are vulnerable due to limited source of information, lack of variety in terms of available formal assistance and forced to travel for long distances of up to 320 km for protection. The journey visualised in this study does not describe the entire actual journey that women go through, which is typically more complex and lengthy. The findings of this study are able to provide information to stakeholders in establishing shelters that are easily accessible to women from various locations of origin in the country towards effective intervention in domestic violence.*

Keywords and phrases: Domestic violence, women's journey, refuge, Geographic Information Systems (GIS)

1. PENGENALAN

Keganasan rumah tangga adalah jenayah yang menjadi satu ancaman besar kepada wanita. Satu daripada tiga wanita di dunia iaitu kira-kira 736 juta orang mengalami keganasan fizikal atau seksual oleh pasangan mereka sendiri (WHO, 2021). Risiko keganasan oleh pasangan bermula daripada usia wanita yang masih muda sebagaimana laporan WHO (2021) iaitu satu daripada empat wanita (dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun) yang mempunyai pasangan telah mengalami keganasan rumah tangga seawal umur mereka 20-an. Keselamatan wanita di seluruh dunia amat membimbangkan kerana statistik ini sebahagian besarnya kekal tidak berubah sejak sedekad yang lalu.

Di Malaysia, statistik keganasan rumah tangga yang dihasilkan oleh pelbagai agensi tidak dapat digunakan sebagai petunjuk kepada magnitud keganasan terhadap wanita. Definisi keganasan rumah tangga di negara ini tidak hanya merujuk kepada mangsa wanita, tetapi juga kanak-kanak, orang dewasa atau sebarang ahli keluarga yang lain. Oleh itu, statistik yang digunakan dalam menjelaskan keganasan rumah tangga di Malaysia tidak menunjukkan realiti penderaan wanita oleh pasangan mereka (Sahdan, 2021). Dengan kekurangan ini, statistik yang dikemukakan oleh WHO (2021) adalah satu-satunya fakta yang menjadi sandaran dalam memahami magnitud keganasan terhadap wanita di negara ini.

Selain mencatatkan jumlah mangsa yang ramai, keganasan rumah tangga adalah jenayah yang berlaku dalam jangka masa yang panjang (Sahdan et al., 2021; Pain et al., 2020; Herman, 1997). Hal ini kerana sifat keganasan rumah tangga yang menyebabkan kesukaran wanita untuk menyelamatkan diri. Menurut Sahdan et al. (2021), keganasan rumah tangga adalah satu bentuk pemilikan jahat yang dijelaskan melalui naratif kerasukan syaitan dalam konteks Malaysia (Sahdan, 2021). Ini menyamai dapatan Pain (2015) dalam konteks berbeza dengan menghuraikan pemilikan jahat dalam keganasan rumah tangga sebagai pemerangkapan dalam reruang, penaklukan psikologi dan penawanan (Pain, 2015). Sifat jenayah seumpama ini memerlukan campur tangan yang berkesan kerana wanita berdepan dengan penjenayah yang merupakan pasangan intim yang dilengkapi dengan maklumat peribadi mangsa.

Dalam usaha membantu wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, rumah perlindungan yang diuruskan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah antara campur tangan yang berkesan (Sahdan, 2021). Peletakan rumah perlindungan di lokasi yang dirahsiakan daripada orang awam menyukarkan pendera untuk menjejaki mangsanya. Ini adalah ciri utama yang membolehkan wanita berasa selamat selain daripada perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh rumah perlindungan. Oleh itu, sumber informasi dan kebolehan untuk akses kepada rumah perlindungan adalah amat penting kepada wanita dalam proses untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Makalah ini memberi perhatian terhadap perkara tersebut berasaskan rekod yang diambil oleh *Women's Aid Organisation* (WAO).

WAO adalah agensi yang telah menyelamatkan ribuan nyawa wanita yang telah melarikan diri daripada keganasan rumah tangga di Malaysia sejak tahun 1982.

Permulaan perjuangan dalam membela hak wanita sebahagian besarnya disumbangkan oleh WAO yang mendokumentasikan keganasan rumah tangga di negara ini secara konsisten. Ini dijelaskan dalam bahagian seterusnya dalam makalah ini dengan mengulas kajian lepas yang memberi gambaran keganasan rumah tangga di Malaysia sebelum membentangkan dapatan kajian menggunakan visual yang terhasil dalam kajian ini.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia

Keganasan rumah tangga telah mula diwacanakan di Malaysia sejak tahun 1960-an lagi (Tumin, 2006). Pada waktu itu, kes keganasan rumah tangga masih dianggap sebagai masalah peribadi yang tidak wajar dikongsi oleh orang awam. Kesedaran tentang keganasan rumah tangga mula wujud dan mendapat perhatian pada pertengahan tahun 1980-an. Kesedaran ini dipengaruhi oleh kajian dari Barat dalam mengenal pasti dan menjelaskan faktor-faktor keganasan rumah tangga mengikut perspektif psikologi, struktur sosial dan gender. Kes keganasan rumah tangga juga sudah mula didokumentasikan oleh WAO untuk tujuan kajian pada masa hadapan. Dapatan kesedaran yang telah ditetapkan dalam masyarakat, semakin banyak kes keganasan rumah tangga mula dilaporkan kepada pihak polis. Sebelum tahun 1994, masih tiada akta khas yang diperuntukkan untuk melindungi wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Hanya apabila berlakunya kematian, kes akan diletakkan di bawah prosedur Kanun Keseksaan (*Penal Code*) dan Kanun Acara Jenayah (Tumin, 2006) sebagaimana jenayah yang lain.

Akta Keganasan Rumah Tangga telah digubal pada tahun 1994 dan mula dikuatkuasakan pada tahun 1996. Pada bulan Februari 2012 pula, pindaan pertama telah diwartakan dengan menambahbaik definisi keganasan rumah tangga yang meliputi kecederaan fizikal, emosi, mental dan psikologi. Namun, definisi tersebut masih belum cukup luas untuk merangkumi pelbagai bentuk penderaan yang biasa dialami oleh wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga. Oleh itu, pada tahun 2017, Akta Keganasan Rumah Tangga telah dipinda sekali lagi dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Pindaan tahun 2017 pula ditambah baik dengan mengambil kira aspek kepelbagaian masalah keganasan rumah tangga di Malaysia. Antara pindaan utama ialah penambahbaikan daripada segi definisi, pengenalan kepada Perintah Perlindungan Kecemasan dan beberapa kelebihan kepada wanita seperti hak eksklusif kediaman dan sesi kaunseling yang berasingan diantara mangsa dan pesalah.

2.2 Kajian Keganasan Rumah Tangga di Malaysia

Pelbagai kajian keganasan rumah tangga membincangkan tentang aspek faktor, kesan dan langkah campur tangan dalam keganasan rumah tangga di Malaysia. Misalnya, Maizatul Akmam et al. (2008) menyatakan bahawa keganasan rumah tangga adalah disebabkan oleh latar belakang keluarga, masalah sosial, panas baran, cemburu, pengambilan alkohol dan dadah oleh pendera. Sementara itu, Hamidah (2008) dalam kajiannya pula mendapati faktor penyumbang utama kepada masalah penderaan isteri ialah faktor urbanisasi iaitu perpindahan ke bandar dan menyebabkan tekanan perasaan serta faktor tekanan hidup di bandar lebih tinggi. Sahdan (2019) bagaimanapun menolak kesemua faktor yang dinyatakan oleh Maizatul Akmam et al. (2008) dan Hamidah (2008) sebagai faktor kepada keganasan rumah tangga. Berdasarkan dapatan kajian Sahdan (2019), keganasan rumah tangga berlaku kerana pendera itu sendiri adalah seorang yang kejam, bijak menipudaya dan menawan psikologi sasarannya (isteri) atau dikenali sebagai *psycheophile* oleh Hennessy (2012). Pendera mengawal isterinya sebagaimana seorang tuan yang memiliki hambanya (Sahdan, 2021, 2019; Pain et al., 2020).

Dari segi kesan keganasan rumah tangga, Sahdan (2021, 2020, 2019) dan Normah et al. (2010) mendapati bahawa *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD) adalah kesan lazim dalam kalangan wanita yang mendapatkan bantuan di dua buah rumah perlindungan di Malaysia. Trauma yang dialami oleh wanita yang didera mempengaruhi kesihatan mereka dalam jangka masa yang panjang. Menurut WAO (2015) wanita didapati tidak berupaya mendapatkan rawatan psikologi daripada pengamal perubatan. *Ibid* (2015) turut menyatakan bahawa 54 peratus daripada 110 wanita tidak mendapatkan rawatan di hospital kerana merasakan kecederaan psikologi yang dialami mereka tidak parah dan tidak memerlukan rawatan. Sahdan (2019) turut menyatakan bahawa selain kesan trauma, wanita mengalami kesan fizikal sehingga mengalami kecacatan kekal kerana mereka tidak mendapat rawatan yang sesuai semasa didera. Kesan penderaan yang dialami wanita menyebabkan mereka sukar untuk keluar daripada situasi tersebut.

Keganasan rumah tangga masih kurang dilaporkan kerana masih dianggap sebagai hal peribadi. Chang dan Burfoot (2014) mengkaji faktor budaya yang menghalang wanita yang didera untuk mendapatkan bantuan. Kajian mereka dijalankan di Kuala Lumpur dan menemu bual pekerja sosial yang terlibat dengan kes keganasan rumah tangga. Dapatan kajian mereka menunjukkan halangan budaya dan adat menyebabkan kebanyakan kes tidak dilaporkan. Hal ini demikian kerana isu keganasan rumah tangga dianggap sebagai hal peribadi untuk diselesaikan bersama keluarga dan komuniti. Wanita yang melaporkan keganasan rumah tangga juga perlu berhadapan dengan perasaan malu untuk berdepan dengan masyarakat. Menurut Norashikin (2002), keputusan untuk tidak melaporkan kes keganasan rumah tangga juga berpunca daripada kesukaran untuk mendapatkan maklumat dan perasaan takut untuk mendapatkan bantuan yang sepatutnya.

Walau bagaimanapun, bagi wanita yang telah mendapatkan bantuan, polis merupakan pihak utama yang dihubungi oleh mereka. Menurut WAO (2019), wanita

telah mendapatkan bantuan awal daripada polis sebelum mendapatkan bantuan daripada WAO. Namun, sebahagian besar laporan yang diajukan oleh wanita di WAO adalah aduan perlindungan (*cover report*). Aduan ini ialah laporan polis yang bertujuan untuk mendokumentasikan insiden penderaan tanpa tindakan. Sekiranya wanita membuat laporan tindakan, polis dapat membuat penyiasatan dan tangkapan dalam kes tersebut.

Dari segi tingkah laku mendapatkan bantuan di hospital, kajian oleh Abdul Samad (2003) dalam Sajaratulnisah dan Noor Azmi (2008) mendapati bahawa setiap satu daripada tujuh orang pesakit luar yang mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mempunyai latar belakang keganasan rumah tangga. Kebanyakan wanita yang didera mempunyai kecederaan fizikal yang kritikal dan pelbagai lagi masalah kesihatan kronik yang boleh dilihat simptomnya dari segi fizikal. Kecederaan seperti patah, terseliuh dan dislokasi tulang merupakan jenis kecederaan kedua terbesar selepas kecederaan pada kepala dan leher wanita. Dengan kecederaan seumpama ini, kajian Sajaratulnisah dan Noor Azmi (2008) mendapati bahawa staf hospital yang tidak mahir telah memburukkan lagi keadaan mangsa. Pengurusan kes keganasan rumah tangga oleh staf yang tidak mahir dan tidak mempunyai pengetahuan tentang cara menguruskan kes keganasan rumah tangga memberikan impak yang besar dalam usaha membanteras kes keganasan rumah tangga. Dapatan kajian mereka juga menghujahkan bahawa sikap prejudis dalam kalangan staf hospital semasa pengenalpastian dan pengurusan keganasan rumah tangga berkemungkinan berkait dengan kekurangan pengetahuan dan nilai peribadi yang tidak sesuai dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga. Pengurusan kes keganasan rumah tangga yang tidak efisien akan memberi kesan pada tingkah laku wanita untuk mendapatkan bantuan daripada pihak hospital (Sajaratulnisah dan Noor Azmi, 2008).

2.3 Perjalanan Wanita Menyelamatkan Diri dalam Geografi Manusia

Perjalanan wanita menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga dicorakkan oleh kawalan pendera di rumah. Keganasan rumah tangga menjadikan rumah sebagai penjara di mana pendera menetapkan kawalan ketat ke atas aktiviti wanita di dalam dan di luar rumah, mengasingkan mereka daripada hubungan sosial yang biasa. Menurut Root (1996), penawanan dalam keganasan rumah tangga adalah di luar had ruang yang boleh dilihat sama ada di rumah itu sendiri atau malah di kawasan kejiranan yang boleh diatur sehingga menyebabkan wanita terkurung dan sukar mendapatkan bantuan. Ramai wanita yang didera mengalami kurungan atau batasan sehingga tahap mereka dihadkan daripada bergerak dalam kehidupan seharian mereka (Root, 1996). Stark (2007) juga membincangkan penawanan dalam teori kawalan paksaan dengan menggunakan istilah 'sangkar'. Sangkar adalah analogi yang tepat dalam memberi gambaran ruang keganasan rumah tangga iaitu ruang yang terdiri daripada besi kurungan yang memenjarakan (sama ada secara fizikal atau psikologi) wanita yang mengalami kekejaman pendera.

Dalam bidang geografi manusia, keganasan rumah tangga telah mengubah definisi klasik ruang rumah. Pain (2012) menegaskan bahawa rumah merupakan ruang

utama berlakunya keganasan rumah tangga. Pandangan ini turut disokong oleh Warrington (2001) yang menyatakan bahawa meskipun rumah dikenali sebagai tempat yang selamat dan memberikan sokongan, rumah juga boleh menjadi tempat berlakunya keganasan. Sementara itu, Meth (2003) pula memfokuskan kepada tiga andaian utama tentang rumah sebagai ruang utama dalam keganasan rumah tangga. Pertama, rumah sebagai ruang yang mempunyai material yang formal. Kedua, rumah sebagai ruang peribadi dan terakhir, rumah sebagai tempat kediaman. Meth (2003) mendapati bahawa keganasan rumah tangga tidak semestinya berlaku di dalam rumah yang mempunyai material formal seperti mempunyai dinding dan tidak dapat dilihat oleh orang luar serta difahami sebagai ruang peribadi.

Perjalanan wanita yang melarikan diri daripada keganasan rumah tangga ke arah keselamatan telah menjadi subjek perbincangan oleh penyelidik dalam bidang geografi manusia di UK (lihat Bowstead, 2020, 2017, 2016, 2015). Pada tahun 2015, Bowstead telah menghasilkan konsep perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga sebagai proses penghijrahan paksa. Menurut beliau (2015), penghijrahan paksa ditakrifkan sebagai pergerakan dari rumah, merentasi sempadan unit udara (sama ada dalam negeri atau merentasi sempadan negara). Dalam konteks UK, perjalanan wanita daripada keganasan rumah tangga dikenali sebagai penghijrahan paksa dengan merentasi sempadan pihak berkuasa tempatan. Dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS), Bowstead (2015) memetakan perjalanan ke tempat perlindungan di England dalam satu tahun, dan membuat kesimpulan awal dari segi data pemetaan dan analisis. Penyelidikan ini mendapati bahawa sampel 550 wanita mengembara lebih 18,000 batu ke 18 tempat perlindungan dalam satu tahun. Ini merupakan proses penting penghijrahan wanita (selalunya bersama dengan kanak-kanak) yang melarikan diri daripada keganasan rumah tangga dengan pelbagai turutan perpindahan ke rumah sementara, termasuk tempat perlindungan. Kajian ini dengan itu menekankan bahawa konsep penempatan semula wanita akibat keganasan rumah tangga adalah penting, untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam bagi tujuan implikasi dasar dan amalan campur tangan yang lebih berkesan.

Kajian yang dijalankan oleh Bowstead terus berkembang dengan dapatan teori mengenai geografi perjalanan keganasan rumah tangga di England. Pada tahun 2017, Bowstead mengilustrasikan bagaimana perjalanan wanita menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga adalah kompleks dan bersegi. Tiga tahun selepas itu, Bowstead (2020) mengupas tentang wanita yang melakukan perjalanan wanita menggunakan pengangkutan awam, perjalanan oleh wanita yang kurang berupaya dan perjalanan daripada kawasan pedalaman untuk melarikan diri daripada keganasan rumah tangga.

Selain Bowstead (2020), *Public Health Department of the Royal Borough of Kingston upon Thames* (RBK) juga menjalankan kajian pemetaan perjalanan wanita pada tahun 2015. Ia adalah kaedah untuk menilai bagaimana perkhidmatan dan sikap profesional memberi kesan kepada wanita yang didera. Lapan wanita (berumur antara 25 dan 54) telah ditemu bual untuk mengesan perjalanan mereka melalui pihak yang memberi

campur tangan. Dapatan kajian ini menunjukkan tiada sebarang perjalanan wanita yang mempunyai persamaan. Sampel kajian menilai pengalaman mereka tentang pihak yang menawarkan khidmat campur tangan pada skala 10 mata (di mana 10 adalah cemerlang dan 1 adalah lemah). Wanita ditanya sama ada perkhidmatan yang melayani mereka secara bermaruah, adil dan rasa hormat, mempercayai mereka; mengutamakan keselamatan mereka; membantu wanita memahami pilihan mereka dan memberi wanita kuasa untuk membuat pilihan mereka sendiri. Kajian ini menghasilkan peta gambaran keseluruhan berdasarkan komen utama dan skor purata yang diberikan oleh wanita pada setiap perkhidmatan. Daripada data tersebut, perjalanan setiap wanita dipetakan yang mana berupaya untuk menunjukkan pengalaman wanita dalam keganasan rumah tangga serta akses mereka kepada perkhidmatan. Daripada dapatan kajian, RBK berhasrat untuk menambah baik dan membangunkan perkhidmatan di kawasan kajian.

Keganasan rumah tangga adalah masalah yang merentasi sempadan geografi dan demografi (Bradbury-Jones et al., 2014). Isu keganasan rumah tangga mendapat perhatian utama ahli geografi untuk mengkaji dan memahami isu ini dengan lebih mendalam bagi membantu para wanita yang masih terperangkap bersama pendera. Dalam konteks di mana perbincangan ilmiah mengenai keganasan berasaskan jantina adalah terhad, perjalanan wanita untuk melarikan diri keganasan rumah tangga di Malaysia belum lagi menjadi tumpuan kajian lepas dalam bidang geografi. Kajian dalam makalah ini bertujuan untuk mengisi kelompangan tersebut dalam usaha memberi sumbangan kepada pembinaan ilmu mengenai perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga dalam konteks Malaysia.


3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dalam makalah ini menggunakan data sekunder yang dibekalkan oleh WAO. Data kajian yang terlibat adalah terdiri daripada fail kes wanita yang mendapatkan bantuan di rumah perlindungan WAO. Wanita yang mendapatkan bantuan dari rumah perlindungan mempunyai latar belakang yang pelbagai dari segi lokasi asal, kumpulan etnik dan agama. Kerahsiaan data sentiasa dijaga sepanjang kajian bagi tujuan melindungi keselamatan wanita. Data lokasi sebenar juga tidak didedahkan dalam apa jua bentuk dan peta yang dihasilkan tidak membolehkan lokasinya dapat dikenal pasti.

Tiga tahun yang menjadi tumpuan kajian ini iaitu tahun 2016, 2017 dan 2018 adalah berkaitan dengan ketersediaan data yang telah lengkap dan tiada halangan untuk dibekalkan oleh WAO bagi memenuhi matlamat kajian ini. Tanpa melibatkan data empirikal bersama dengan wanita yang didera, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen boleh merangkumi komponen kuantitatif dan kualitatif (Dalgish, et al., 2020). Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini menekankan kaedah kuantitatif dengan mengekstrak data tekstual yang kemudiannya dikategorikan dan direkodkan secara sistematik bagi tujuan analisis.

Setelah menandatangani perjanjian kerahsiaan dengan WAO, mereka memberikan kebenaran untuk proses analisis dokumen dijalankan dengan mengekstrak

data kajian dari fail klien (rujuk Rajah 1). Data yang diekstrak adalah melibatkan lokasi asal wanita, sumber informasi sebelum melakukan perjalanan dan bentuk bantuan yang diterima sebelum ke rumah perlindungan. Data tersebut dimasukkan ke dalam bentuk jadual atribut dengan menggunakan *Microsoft Excel*.



Rajah 1. Langkah menghasilkan peta menggunakan GIS

Untuk melengkapkan jadual atribut bagi lokasi asal wanita, *Google Map* digunakan bagi mendapatkan longitud dan latitud lokasi asal wanita sebelum memulakan perjalanan. Penggunaan koordinat lokasi asal masih menjaga kerahsiaan wanita kerana paparan peta yang terhasil tidak membolehkan lokasi tersebut dikenal pasti. Bagi data sumber informasi, perwakilan nombor digunakan bagi menunjukkan perbezaan jenis sumber informasi yang diperolehi wanita. Setiap jenis sumber informasi mempunyai pengenalan unik (SOA_ID) yang berbeza seperti yang dinyatakan pada Jadual 1.

Jadual 1. *Perwakilan sumber informasi*

Jenis Sumber Informasi	Perwakilan Nombor
Kawan	1
Perubatan	2
Polis	3
Internet	4
Tidak dijawab (NA)	5
NGO	6
Majikan	7
Diri Sendiri	8
Institusi Agama	9
Media massa / cetak	10
Kebajikan	11
Keluarga	12
Bantuan Guaman	13

Data yang telah dibina dalam pangkalan data ditukarkan ke dalam format *Database File* (dBf) daripada *Microsoft Excel* (.exl) mengikut tahun yang telah ditetapkan iaitu tahun 2016, 2017 dan 2018. Paparan grafik diperoleh dengan menggunakan output dan paparan data. Bagi memudahkan tujuan pemetaan data, maklumat yang diperlukan dikelaskan ke dalam tiga jadual yang berasingan yang mewakili lokasi asal wanita, sumber informasi dan tingkah laku mendapatkan bantuan. Terlebih dahulu, setiap data ditetapkan dengan pengenalan unik untuk memudahkan maklumat dirujuk semula.


Dalam kajian ini, GIS digunakan untuk memetakan perjalanan wanita menuju ke rumah perlindungan yang dikendalikan WAO. Sistem Maklumat Geografi (GIS) ialah teknologi berasaskan komputer yang melibatkan penghasilan peta (Abbot, et al., 1998). Sejak pembangunan awal GIS, ia lazimnya telah difahami sebagai alat untuk penyimpanan dan analisis data kuantitatif (Kwan, 2006). Koordinat lokasi asal wanita divisualkan pada peta untuk menunjukkan jarak yang dilalui oleh wanita untuk mendapatkan bantuan. Walau bagaimanapun, jarak yang digambarkan tidak bermaksud jarak sebenar yang dilalui oleh wanita kerana batasan kajian ini hanya perjalanan terus dari lokasi asal ke rumah perlindungan tanpa mengambil kira faktor gangguan dalam perjalanan seperti pengangkutan atau tempat perlindungan sementara sebelum mendapatkan bantuan di rumah perlindungan.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Taburan Kes Mengikut Lokasi Asal Wanita: Bertumpu dan Berselerak

Kajian ini melibatkan 87 kes yang diuruskan oleh WAO sepanjang tahun 2016, 2017 dan 2018. Pecahan kes pada tahun 2016, 2017 dan 2018 masing-masing adalah 48, 30 dan 24 kes. Jumlah ini tidak menjadi penanda aras kepada realiti keganasan rumah tangga di Malaysia. Ia adalah jumlah kes yang diterima oleh WAO mengikut kapasiti mereka dari segi ruang, kemudahan dan tenaga kerja. Setiap wanita yang dilindungi bawah WAO dicadangkan untuk tinggal di rumah perlindungan selama tiga bulan. Dalam tempoh tersebut, wanita perlu membuat perancangan untuk mencari tempat tinggal lain yang selamat dengan bantuan pekerja sosial apabila mereka keluar dari rumah perlindungan. Namun, WAO juga menerima semula wanita yang pernah mendapatkan perlindungan sebelum ini kerana mereka memahami bahawa proses untuk membebaskan diri daripada keganasan rumah tangga adalah sukar.

Data kajian menunjukkan bahawa lokasi asal wanita yang mendapatkan perlindungan daripada WAO terbahagi kepada dua taburan iaitu bertumpu dan berselerak. Lokasi bertumpu adalah di sekitar Lembah Klang (berwarna biru pada Rajah 2). Sejumlah besar kes iaitu sebanyak 80 peratus daripada keseluruhan yang terlibat dalam kajian ini adalah dari lokasi asal yang bertumpu. Manakala lokasi yang berselerak berada di kebanyakan negeri di Malaysia seperti Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Penang, Pahang dan Kelantan. Kes dari lokasi yang berselerak mencatatkan 20 peratus daripada keseluruhan kes sepanjang tiga tahun yang dikaji. Taburan lokasi yang bertumpu dan berselerak menunjukkan bahawa majoriti wanita yang mendapatkan bantuan daripada WAO adalah dalam kalangan mereka yang tinggal tidak jauh daripada rumah perlindungan di samping segelintir kecil tinggal jauh dari seluruh pelosok negeri.




Rajah 2. Taburan kes mengikut lokasi asal wanita

Dapatan ini berkait dengan penyelidikan Bowstead (2015) di United Kingdom (UK) iaitu wanita cenderung berada berdekatan dengan lokasi asal mereka untuk mendapatkan perlindungan. Sebanyak 45.6 peratus wanita atau hampir 9000 kes dalam setahun (untuk julat tahun 2003 hingga 2009) mendapatkan bantuan di lokasi asal mereka (Bowstead, 2015). Oleh itu, kewujudan pusat perlindungan yang boleh diakses wanita di pelbagai kawasan amat penting untuk membantu mereka menyelamatkan diri.

Di Malaysia, bilangan rumah perlindungan keganasan rumah tangga berada pada tahap kritikal jika dibandingkan dengan keperluan yang sebenar. Hanya 42 buah rumah perlindungan yang diwartakan (setakat tahun 2017), yang mana 34 daripadanya adalah kendalian kerajaan (Yvonne, 2017). Rumah perlindungan kerajaan hanya berupaya menempatkan secara purata sebanyak 32 orang wanita dalam setahun. Manakala WAO menempatkan lebih kurang 100 orang mangsa keganasan rumah tangga setiap tahun. Pihak WAO sering menerima permintaan perkhidmatan rumah perlindungan yang lebih daripada kapasiti mereka setiap tahun. Ini bermakna sebahagian besar daripada mangsa keganasan rumah tangga tidak mempunyai akses kepada rumah perlindungan (Yvonne, 2017).

4.2 Jarak Perjalanan Wanita

Jarak perjalanan wanita ke rumah perlindungan menunjukkan julat yang berbeza antara lokasi asal yang bertumpu dan berselerak (lihat Rajah 3). Bagi wanita yang melakukan perjalanan dari lokasi bertumpu iaitu dalam wilayah Lembah Klang, julat jarak perjalanan mereka adalah antara 2 hingga 44 km. Manakala wanita yang melakukan perjalanan dari lokasi asal yang berselerak, julat jarak perjalanan mereka adalah antara 58 hingga 320 km. Jarak perjalanan yang paling dekat ialah 2 km dan jarak yang paling jauh ialah 320 km. Jarak perjalanan wanita sehingga mencapai 320 km ini berkaitan dengan keadaan yang terlalu mendesak untuk menyelamatkan diri disebabkan oleh sifat keganasan rumah tangga yang menyebabkan mangsa terkurung serta ketiadaan rumah perlindungan yang berdekatan dengan lokasi asal mereka.




Rajah 3. Jarak perjalanan wanita

Sebagaimana wanita dalam kajian Sahdan (2019), mereka melakukan perjalanan dari jarak yang jauh dengan masa perjalanan yang panjang. Untuk membolehkan perjalanan ini dilakukan, terdapat wanita dalam kajian ini telah membuat perancangan dalam tempoh beberapa bulan sebelumnya untuk menyediakan kos pengangkutan, menyediakan pakaian penyamaran semasa perjalanan dan memikirkan langkah yang selamat untuk melakukan perjalanan bersama anak yang masih kecil (Sahdan, 2019).


4.3 Sumber Informasi yang Mempengaruhi Perjalanan Wanita

Sumber informasi yang diterima wanita mempengaruhi keputusan mereka untuk melakukan perjalanan semasa menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Dalam kajian ini, pihak hospital merupakan sumber utama yang mempengaruhi wanita untuk mendapatkan bantuan di rumah perlindungan WAO. Manakala sumber lain seperti rakan, keluarga, internet, polis dan institusi kebajikan juga mencatatkan jumlah yang sederhana tinggi dalam membekalkan maklumat kepada wanita. Sebahagian kecil daripada kes yang diuruskan oleh WAO ini juga menerima maklumat daripada institusi agama, media penyiaran seperti televisyen dan radio, majikan dan pihak guaman.



Rajah 4. Sumber informasi yang diperoleh wanita

Terdapat perbezaan dari segi kepelbagaian jenis sumber informasi mengikut lokasi asal wanita. Peta pada Rajah 5 menunjukkan wanita dari lokasi bertumpu di Lembah Klang menerima informasi daripada pelbagai sumber bantuan formal seperti agensi kebajikan, badan bukan kerajaan, majikan dan pihak berkuasa.




Rajah 5. Sumber informasi yang mempengaruhi perjalanan wanita

Ini berbeza dengan wanita yang melakukan perjalanan dari luar kawasan bertumpu yang mana mereka hanya bergantung kepada sumber informasi daripada pihak tidak formal iaitu rakan dan keluarga. Bowstead (2017) melihat perkara ini sebagai tekanan yang memberikan implikasi kepada perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri. Sumber informasi yang terhad menyukarkan wanita untuk melaksanakan perjalanan ke rumah perlindungan. Ini kerana mereka perlu mengetahui pelbagai maklumat terperinci daripada pelbagai pihak untuk melakukan perjalanan seperti; cara untuk meninggalkan rumah tanpa diketahui pendera, membuat pemilihan pengangkutan yang selamat, dan perlu menyediakan dokumen, wang serta pakaian kecemasan. Maklumat ini kebiasaannya dibekalkan oleh pihak formal seperti pekerja sosial di institusi kebajikan dan badan bukan kerajaan yang memperjuangkan hak wanita.

4.4 Bantuan Formal yang Diterima Sebelum Melakukan Perjalanan

Wanita yang melakukan perjalanan ke rumah perlindungan WAO lazimnya telah mendapatkan bantuan tidak formal dan formal. Kajian ini mendapati bahawa bantuan formal mempunyai perbezaan trend mengikut lokasi asal wanita. Secara keseluruhan, 56 kes telah menerima campur tangan daripada polis manakala 29 lagi kes telah

mendapatkan bantuan daripada pihak hospital. Bagi wanita dari lokasi berselerak, hanya polis dan hospital sahaja pihak formal yang mereka rujuk bagi tujuan campur tangan sebelum mendapatkan perlindungan WAO (lihat Rajah 6). Ini berbeza dengan wanita dari lokasi bertumpu yang telah menerima pelbagai bentuk bantuan formal dari pihak selain polis dan hospital. Majikan, bantuan guaman dan institusi agama adalah antara campur tangan formal lain yang diperoleh oleh wanita tersebut. Ini menunjukkan bahawa wanita dari lokasi luar daripada Lembah Klang bukan sahaja menerima sumber informasi yang terhad, tetapi juga campur tangan formal yang tidak pelbagai. Bantuan oleh polis dan hospital yang efisien sangat penting bagi membolehkan mereka melakukan perjalanan.



Rajah 6. Bantuan yang diterima sebelum melakukan perjalanan

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk difahami bahawa proses untuk mendapatkan bantuan bukanlah mudah kerana wanita berada dalam kawalan pendera sepenuhnya. Kajian Mohd Hashim dan Endut (2009) mendapati bahawa hanya mangsa yang mengalami kecederaan fizikal yang teruk dan memerlukan rawatan perubatan segera yang datang ke hospital. Kemungkinan ramai lagi wanita yang didera dengan kecederaan bukan fizikal atau tidak 'cukup' teruk di luar sana tidak datang untuk mendapatkan rawatan atau mendedahkan kejadian tersebut (Mohd Hashim & Endut, 2009). Wanita dalam kajian Sahdan (2019) menjelaskan bahawa mereka dikurung dan tidak dibenarkan mendapatkan rawatan kerana pendera khuatir perlakuan jenayahnya

diketahui oleh pihak hospital. Hal yang sama berlaku apabila wanita ingin mendapatkan campur tangan polis. Sesetengah wanita tidak dapat membuat laporan kerana sukar untuk keluar dari rumah, telah menghubungi polis dan membuat laporan berkali-kali tetapi mendapat maklum balas yang kurang baik serta terdapat wanita ada yang enggan membuat laporan kerana hilang kepercayaan kepada polis (Sahdan, 2019).

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian dalam makalah ini membuka perbincangan mengenai perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri ke rumah perlindungan. Ia diuraikan berdasarkan lokasi asal wanita yang bertumpu dan berselerak di Semenanjung Malaysia. Lokasi bertumpu adalah lokasi asal wanita yang berada dalam wilayah Lembah Klang dengan jarak perjalanan untuk menyelamatkan diri lebih pendek iaitu kurang daripada 44 km bagi tahun yang dikaji. Selain jumlah kes majoriti yang berasal dari lokasi bertumpu, perjalanan wanita ke rumah perlindungan dipengaruhi oleh sumber informasi dan bentuk campur tangan yang pelbagai. Ini berbeza dengan jumlah kes yang rendah dari lokasi yang berselerak yang disumbangkan oleh sumber informasi dan campur tangan yang terhad. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepelbagaian sumber informasi dan pihak yang campur tangan dengan berkesan mampu mengupayakan wanita untuk mendapatkan perlindungan yang selamat.

Kepentingan rumah perlindungan di Malaysia adalah amat kritikal berbanding dengan bilangan wanita yang rentan dengan jenayah keganasan rumah tangga. Pihak yang berkepentingan di Malaysia perlu meningkatkan jumlah rumah perlindungan di Lembah Klang kerana tekanan yang dihadapi oleh WAO. Rumah perlindungan dalam kawasan ini sentiasa menerima permintaan lebih daripada kemampuan dari segi kapasiti untuk pengendalian kes. Tekanan mereka juga dapat dikurangkan jika pihak yang berkepentingan mampu mewujudkan rumah perlindungan yang menawarkan campur tangan berkesan dengan mengikut lokasi asal yang berselerak atau negeri yang berbeza. Koordinasi yang baik dari segi peletakan rumah perlindungan di Lembah Klang adalah amat penting bagi meningkatkan akses wanita ke pusat perlindungan. Dengan mengambilkira kemudahan pengangkutan, tempat parkir kenderaan yang tersembunyi dan jarak dengan balai polis serta hospital yang dekat berupaya membolehkan wanita dan anak-anak mereka berasa selamat.

Kesimpulannya, kajian kuantitatif ini memberi maklumat asas dalam bentuk visual mengenai taburan kes yang dikendalikan oleh WAO mengikut lokasi asal, jarak perjalanan wanita yang menunjukkan keadaan wanita yang terdesak untuk mendapatkan ruang berlindung yang selamat, sumber informasi dan bantuan formal yang membolehkan mereka melakukan perjalanan dengan selamat. Dapatan kajian ini menjadi input kepada kajian lanjutan yang lebih mendalam secara kualitatif agar penjelasan mengenai pengalaman mengenai perjalanan wanita dalam menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga dapat diteliti dengan lebih terperinci.

6.0 PENGHARGAAN

Perjalanan artikel ini adalah mustahil tanpa bantuan dan sokongan banyak individu dan institusi. Penyelidikan di sebalik penghasilan artikel ini menjadi pemangkin kepada idea geran Fundamental Research Grant Scheme dengan kod: FRGS/1/2020/SS0/UPSI/03/1. Penulis ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak penaja geran tersebut iaitu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana dapatan dalam geran tersebut membantu kepada pemantapan artikel ini. Kami juga amat berterima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Women's Aid Organisation (WAO), Malaysia sebagai pemudah cara penyelidikan kami.

7.0 RUJUKAN

- Abbot, Jo & Chambers, Robert & Dunn, Christine & Harris, Trevor & Merode, Emmanuel & Porter, Gina & Townsend, Janet & Weiner, Daniel. (1998). Participatory GIS: Opportunity or oxymoron?. *Participatory Learning & Action*, PLA Notes. 33.
- Bowstead, J. C. (2020). Private violence/private transport: the role of means of transport in women's mobility to escape from domestic violence in England and Wales. *Mobilities*, 15(4), 559-574. <https://doi.org/10.1080/17450101.2020.1750289>
- Bowstead, J. C. (2017). Segmented journeys, fragmented lives: women's forced migration to escape domestic violence. *Journal of Gender-Based Violence*, 1(1), 45-60. <https://doi.org/10.1332/239868017X14912933953340>
- Bowstead, J. C. (2016). Women on the move: theorising the geographies of domestic violence journeys in England. *Gender, Place & Culture*, 24(1), 108-121. <https://doi.org/10.1080/0966369x.2016.1251396>
- Bowstead, J. C. (2015). Forced migration in the United Kingdom: Women's journeys to escape domestic violence. *Transactions of the Institute of British Geographers*, 40(3), 307-320. doi:10.1080/0966369X.2016.1251396
- Bowstead, J. (2011). Space and place as constraints and resources in women's strategies to escape domestic violence. *Metronome*, 1, 9-17. <https://doi.org/10.1177/1077801211398637>
- Bradbury-Jones, C., Taylor, J., Kroll, T., & Duncan, F. (2014). Domestic abuse awareness and recognition among primary healthcare professionals and abused women: a qualitative investigation. *Journal of clinical nursing*, 23(21-22), 3057-3068. <https://doi.org/10.1111/jocn.12534>
- Chang , E. S., & Burfoot, C. D. (2014). Addressing cultural barriers to the provision of aid for victims of domestic violence in Kuala Lumpur, Malaysia. Dalglish, S.L., Khalid, H., & McMahan, S.A. (2020). Document analysis in health policy research: the READ approach. *Health Policy and Planning*, 35 (10): 1424-1431. <https://doi.org/10.1093/heapol/czaa064>

- Hamidah Ab Rahman. Sabariyah Din, Mohd Taib Dora, Ajmain Safar, Hamdan Kadir & Puteri Khairul Bariah Mohd Mansor. (2008). Isu dan faktor keluarga bermasalah di kalangan orang Melayu: Kajian kes di negeri Johor Darul Takzim. Dalam Hamidah Ab Rahman (Eds.), *Isu-isu sosial* (Edisi Pertama, pp. 1-20). Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hennessy, D. (2012). *How he gets into her head: The mind of the intimate abuser*. Cork, Ireland: Atrium.
- Herman, J. (1997). *Trauma and Recovery: The Aftermath of Violence from Domestic Abuse to Political Terror*. New York: Basic Books.
- Kwan, M.P. & Knigge, L. (2006). Doing qualitative research using GIS: an oxymoronic endeavor? *Environment and Planning*, 38 (11): 1999-2002.
- Maizatul Akmam Abdul Bakar, Hazalina Mohd Haniff, Latifenossadat Madanian & Faizah Abd Ghani (2008) Keganasan Rumah Tangga: Corak, Punca & Kaedah Penyelesaian. *Seminar Kaunseling Keluarga*, 29-35.
- Meth, P. (2003). Rethinking the 'domus' in domestic violence: homelessness, space and domestic violence in South Africa. *Geoforum*, 34, 317-327.
- Mohd Hashim, I., & Endut, N. (2009). A Picture of violence from a Malaysian perspective. In J. Jaafar, & S. McCarthy (Eds.), *Building Asian Families and Communities in the 21st Century: Selected Proceedings of the 2nd Asian Psychological Association Conference, Kuala Lumpur, Malaysia, June, 2008* (pp. 105-130). Newcastle Upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing.
- Tumin, M. (2006). *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norashikin. (2002). Keganasan terhadap wanita: Prevalen Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya Di Kalangan Wanita Di Jabatan Pesakit Luar. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 2002, 2(1), 58-64.
- Normah C.D, Soo S.B, Ponnusamy S., Ng I.O. (2010). The prevalence and factors influencing posttraumatic stress disorders (PTSD) among help-seeking women experiencing domestic violence in Malaysia. *Journal of Psychiatry*, 11(2), 1-13.
- Pain, R. (2012). *Everyday terrorism: How fear works in domestic abuse*. Durham: Centre for Social Justice and Community Action, Durham University and Scottish Women's Aid.
- Pain, R. (2015). Intimate war. *Political Geography*, 44, 64-73.
- Pain, R., Rezwana, N., & Sahdan, Z. (2020). Trauma, Gender and Space: Insights from Bangladesh, Malaysia and the UK. In Anindita Datta, Peter Hopkins, Lynda Johnston, Elizabeth Olson, Joseli Maria Silva (Eds.), *Routledge Handbook of Gender and Feminist Geographies* (pp. 287-296). Routledge.
- Public Health Department of the Royal Borough of Kingston upon Thames. (2015). *Journey Mapping Study of Domestic Violence Survivors in the Royal Borough of Kingston*. Diperoleh daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/5e74/1472b7b178f75a39c514461128955900ac6e.pdf>

- Root, M. P. (1996). Women of Color and Traumatic Stress in "Domestic Captivity": Gender and Race as Disempowering Statuses. In A. J. Marsella, M. J. Friedman, E. T. Gerrity, & R. M. Scurfield (Eds.), *Ethnocultural Aspects of Posttraumatic Stress Disorder: Issues, Research, and Clinical Applications* (pp. 363-414). Washington: American Psychological Association.
- Sahdan, Z. Pain, R. & McEwan, C. (2021). Demonic Possession: Narratives of Domestic Abuse and Trauma in Malaysia. *Transactions of the Institute of British Geographers*. <https://doi.org/10.1111/tran.12485>
- Sahdan, Z. (2019). *Demonic Possession: Spatial and Cultural Accounts of Domestic Violence in Malaysia* (Doctoral thesis, Durham University).
- Sajaratulnisah, O. & Noor Azmi, M.A. (2008). Domestic violence management in Malaysia: A survey on the primary health care providers. *Asia Pacific Family Medicine*, 7(1), 2-8. 10.1186/1447-056X-7-2
- Stark, E. (2007). *Coercive Control: the entrapment of women in personal life*. United States: Oxford University Press.
- Warrington, M. (2001). 'I must get out': the geographies of domestic violence. *Royal Geographical Society*, 26, 365–382.
- Women's Aid Organisation. (2015). *Working Together: Case Studies in Domestic Violence Response*. Women's Aid Organisation. <https://wao.org.my/publications/working-together-case-studies-in-domestic-violence-response/>
- Women's Aid Organisation. (2017). *Perspectives on Domestic Violence: A coordinated Community Response to a Community Issue*. Women's Aid Organisation. <https://wao.org.my/publications/perspectives-on-domestic-violence/>
- World Health Organization. (2021, March 9). *Devastatingly pervasive: 1 in 3 women globally experience violence*. <https://www.who.int/news/item/09-03-2021-devastatingly-pervasive-1-in-3-women-globally-experience-violence>
- Yvonne, L. (2017, Jun 21). *Wujudkan Lebih Banyak Rumah Perlindungan untuk Keganasan Rumah Tangga*. Diperoleh daripada <https://wao.org.my/wujudkan-lebih-banyak-rumah-perlindungan-untuk-keganasan-rumah-tangga/>